

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED
SADIQUE [KOTA TINGGI]**

SOALAN NO. 158

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kementerian untuk mewujudkan jawatan pembantu guru dan bila perjawatan ini akan dibuka.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap beban tugas guru dan mencari kaedah terbaik bagi mengatasi isu beban tugas guru di sekolah. KPM sedang merancang tindakan-tindakan untuk dilaksanakan bagi mengurangkan beban tugas guru dengan merangka inisiatif-inisiatif yang dikelompokkan kepada pelan jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.

Bagi inisiatif pelan jangka masa pendek, KPM telah menjalankan sembilan (9) intervensi yang diperkenalkan melalui lima (5) inisiatif seperti yang telah diumumkan ketika Amanat Tahun Baharu 2019. Inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan adalah seperti yang berikut:

1. memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Fail Panitia dan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD);

NO. SOALAN: 158

2. pengurusan data dan sistem *online* iaitu pengumpulan data sekolah, guru dan murid dari sumber sedia ada dari KPM dan penggunaan Sistem Kehadiran Murid (APDM) yang mesra pengguna menggantikan jadual kedatangan murid. Bagi sekolah yang tiada capaian internet, kehadiran murid direkod secara manual;
3. pemansuhan Peperiksaan Tahap 1 serta sekolah boleh merangka sendiri pelaksanaan LINUS yang bersesuaian dengan keperluan murid;
4. penyeragaman pelbagai borang bagi pemantauan kantin dan kontraktor kebersihan dan keselamatan sekolah serta tiada lagi aktiviti berunsurkan pertandingan yang diselaraskan di peringkat JPN atau PPD; dan
5. penyelarasan penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah.

Berkenaan jawatan pembantu guru, KPM melalui Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru (JKMBG) sedang memperhalusi cadangan ini. Buat masa ini, pewujudan jawatan pembantu guru ditangguhkan bagi melihat keberkesanan inisiatif-inisiatif yang telah dirangka oleh Kementerian untuk mengurangkan beban tugas guru serta juga perlu melihat kepada keupayaan kewangan kerajaan.

RT21/156